



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (131)

Tarikh : 7 Mei 2016

## **Siaran Media**

### ***OPS SEJAHTERA KOMUNITI*" DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN SRI STULANG**

Johor Bharu, 7 Mei 2016 – YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyertai Ops Sejahtera Komuniti di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Sri Stulang pada pagi ini.

2. Isu dan masalah utama yang dikenalpasti adalah terdapat penyewa rumah PPR yang mempunyai tunggakan sewa yang tinggi selain menyewakan unit kediaman mereka (*sublet*) kepada pihak ketiga termasuk warga asing.

3. Program "*Ops Sejahtera Komuniti*" di PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru, Johor dilaksanakan secara bersepadu oleh KPKT dan Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

4. Objektif utama "*Ops Sejahtera Komuniti*" adalah tertumpu kepada tiga (3) aspek seperti berikut:

- (i) Penyewaan kepada pihak ketiga;
- (ii) Tunggakan bayaran sewa; dan
- (iii) Penyalahgunaan unit rumah.

5. KPKT dan Pihak Berkuasa Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti:

- (i) Mengeluarkan Notis Peringatan kepada penyewa yang gagal menjelaskan bayaran sewaan bulanan; dan

- (ii) Mengeluarkan Notis Amaran dan Notis Penamatan kepada penyewa yang menyewakan unit kediaman kepada pihak ketiga.

6. Pasukan operasi akan dibahagikan kepada 22 kumpulan dengan jumlah keseluruhan petugas adalah seramai 130 orang seperti pecahan berikut:

(i)	KPKT/ Jabatan Perumahan Negara (JPN)	-	36 orang
(ii)	SUK Johor / MBBJ	-	22 orang
(iii)	Jabatan Imigresen Malaysia	-	22 orang
(iv)	Jabatan Pendaftaran Negara	-	6 orang
(v)	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	-	22 orang
(vi)	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	-	22 orang

7. Skop operasi akan melibatkan sebanyak 440 unit untuk dilawati di PPR Taman Sri Stulang berdasarkan senarai nama penghuni yang dikemukakan oleh pihak SUK Johor merangkumi unit yang mempunyai tunggakan sewa dan unit yang disyaki disewakan kepada pihak ketiga (*sublet*).

8. PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru, Johor yang telah diserahkan kepada Pihak Kerajaan Negeri Johor pada 27 Disember 2007 terdiri daripada 22 blok rumah pangsa 4 tingkat dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,500 unit.

9. Program pada hari ini merupakan operasi siri keempat bagi tahun 2016 lanjutan daripada operasi yang telah diadakan di PPR Jalan Segindai, Kinarut, Papar, Sabah pada 5 Mac 2016, PPR Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 2 April 2016 dan PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah pada 24 April 2016 yang lalu.

10. Selain daripada program di Johor pada hari ini, KPKT juga akan terus meluaskan pelaksanaan "*Ops Sejahtera Komuniti*" ke PPR lain di seluruh negara seperti berikut:

- (i) PPR Lembah Subang 1, Selangor (Mei 2016)
- (ii) PPR Kemena, Bintulu, Sarawak (Jun 2016)

11. Ops Sejahtera Komuniti ini adalah keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Januari 2016 yang telah membangkitkan isu penguatkuasaan dan pemantauan ke atas unit kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara.

12. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah merangka sebuah Program Penguatkuasaan yang dikenali sebagai “*Ops Sejahtera Komuniti*”. Pada tahun 2016 ini tumpuan akan diberikan kepada aspek penguatkuasaan dan pemantauan unit kediaman PPR ke arah mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti PPR di seluruh negara.

**MAKLUMAT TAMBAHAN PROGRAM PENGUATKUASAAN**  
**“OPS SEJAHTERA KOMUNITI” 2016**

1. Sebanyak tiga (3) siri program penguatkuasaan “*Ops Sejahtera Komuniti*” telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>JUMLAH UNIT KESELURUHAN</b>	<b>JUMLAH UNIT DILAWATI</b>	<b>JUMLAH UNIT TUNGGAKAN SEWA</b>	<b>JUMLAH UNIT SUBLET</b>
PPR Jalan Sagindai, Papar, Sabah	5 Mac 2016	500	123	9	32
PPR Pudu Ulu, Kuala Lumpur	2 April 2016	948	194	53	5
PPR Taman Dahlia, Kuah, Langkawi, Kedah	24 April 2016	422	302	125	22
<b>JUMLAH</b>		<b>1,870</b>	<b>619</b>	<b>187</b>	<b>59</b>

2. Pihak Berkuasa Negeri mengambil tindakan mengeluarkan **Notis Peringatan** kepada keseluruhan **187 unit** yang terlibat dengan **tunggakan sewa** manakala keseluruhan **59 unit** yang **disewakan kepada pihak ketiga (sublet)** akan diberikan **Notis Penamatan**. Pihak Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga akan mengadakan mesyuarat susulan bersama Pihak Berkuasa Negeri yang terlibat bagi membincangkan tindakan selanjutnya yang akan diambil ke atas semua unit yang terlibat dengan pelbagai jenis kesalahan.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)